
Edisi 1		Isu 1
Volume 1		Issue 1

Disember 2025
December 2025

DALAM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN
MOHD MUSA BIN SARIP *lwn* KETUA PENDAKWA SYARIE NEGERI SEMBILAN
(NO. KES: 2408-A0005-483-0029)

**YA Dato' Haji Hussin bin Harun, YA Dato' Hj. Mohd Shukor bin Sabudin &
YA Dato' Hj. Mohamad Shakir bin Abdul Hamid**

Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Follow this and additional works at: <https://altaqrir.usim.edu.my>

Recommended Citation: Mohd Musa bin Sarip *lwn* Ketua Pendakwa Syarie Negeri Sembilan (No. Kes: 2408-A0005-483-0029) (2025) MRyS 1 AL-TAQRIR 1. Available at: <https://altaqrir.usim.edu.my/index.php/journal/article/view/9>



FACULTY OF SYARIAH AND LAW
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
كلية الشريعة والقانون



DALAM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN

MOHD MUSA BIN SARIP

lwn

KETUA PENDAKWA SYARIE NEGERI SEMBILAN

NO. KES: 2408-A0005-483-0029

¹YA Dato' Haji Hussin bin Harun, ¹YA Dato' Hj. Mohd Shukor bin Sabudin &
¹YA Dato' Hj. Mohamad Shakir bin Abdul Hamid

¹Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Sinopsis

Kes ini berkaitan dengan permohonan Bantahan Awal yang difailkan oleh Pemohon terhadap Notis Rayuan Responden melalui Kes Rayuan No.: 2402-A0005-001-0004 bertarikh 31 Januari 2024. Pemohon berhujah bahawa Notis Rayuan tersebut tidak teratur dan bercanggah dengan peruntukan undang-undang, khususnya seksyen 171(1), 171(2) dan 157(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (ETJSNS 2003). Sebelum itu, Pemohon telah berjaya dalam Permohonan Semakan di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan pada 30 Januari 2024. Mahkamah Tinggi menerima semakan dan mengubah keputusan Mahkamah Rendah Syariah Seremban yang sebelum ini mengarahkan Pemohon membela diri dalam satu kes jenayah Syariah. Sebaliknya, Mahkamah Tinggi membebaskan dan melepaskan kedua-dua Pemohon daripada pertuduhan di bawah seksyen 61(1) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 (EJSNS 1992). Responden yang tidak berpuas hati dengan keputusan itu telah memfailkan Notis Rayuan pada 31 Januari 2024. Namun, Mahkamah Rayuan Syariah berpendapat bahawa Responden gagal mendapatkan kebenaran untuk merayu sebagaimana diwajibkan undang-undang. Tambahan pula, Notis Rayuan tersebut dianggap cacat daripada segi prosedur dan tidak memenuhi kehendak prosedur yang ditetapkan. Mahkamah memutuskan untuk menerima bantahan awal Pemohon dan membatalkan Notis Rayuan Responden. Keputusan ini menegaskan pentingnya pematuhan kepada prosedur rayuan demi memastikan proses keadilan berjalan secara teratur.

Pengenalan

- [1] Kes ini merupakan suatu keputusan terhadap permohonan Bantahan Awal yang difailkan oleh pihak Pemohon terhadap Notis Rayuan yang difailkan oleh pihak Responden melalui Kes Rayuan No.: 2402-A0005-001-0004 bertarikh 31.1.2024 (selepas ini disebut sebagai “Kes Rayuan Tersebut”).

Latar Belakang Fakta

- [2] Pemohon dalam bantahan awal tersebut telah memohon untuk mendapatkan suatu perintah seperti berikut:

- 2.1 Mahkamah meluluskan dan membenarkan Permohonan Bantahan Awal Pemohon terhadap Notis Rayuan melalui Kes Rayuan No.: 2402-A0005-001-0004 yang difailkan oleh Responden bertarikh 31.1.2024;
- 2.2 Notis melalui Kes Rayuan No.: 2402-A0005-001-0004 bertarikh 31.1.2024 diketepikan, ditolak dan dibatalkan berdasarkan seksyen 171 (1), 171 (2) dan 157 (2) ETJSNS 2003;

2.3 Kos tindakan ini ditanggung sepenuhnya oleh Responden; dan

2.4 Lain-lain perintah dan/ atau relif yang difikirkan wajar dan suai manfaat oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

[3] Pemohon telah memfailkan Permohonan Bantahan Awal ini atas alasan-alasan berikut:

3.1 Permohonan Semakan Pemohon melalui Permohonan No.: 2303-H0105-003-0160 telah diluluskan dan dibenarkan oleh Mahkamah pada 30.1.2024 dengan penelitian dan pertimbangan yang maksimum oleh Mahkamah.

3.2 Bahawa Responden gagal untuk memfailkan satu permohonan untuk mendapatkan kebenaran daripada Mahkamah Rayuan Syariah terlebih dahulu bagi penentuan olehnya sendiri apa-apa persoalan undang-undang yang mempunyai kepentingan awam yang telah timbul semasa perjalanan kes semakan tersebut dan yang penentuannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan kes semakan tersebut sebelum Notis Rayuan melalui Kes Rayuan No.: 2402-A0005-001-0004 bertarikh 31.6.2024 difailkan ke Mahkamah Yang Mulia ini.

3.3 Bahawa Notis Rayuan melalui Kes Rayuan No.: 2402-A0005-001-0004 bertarikh 31.6.2024 yang difailkan oleh Responden adalah cacat, tidak tepat, bercelaru, berlaku ketidakteraturan prosiding dan terma-terma terhadap rayuan yang dipohon oleh Responden adalah berlawanan dan/ atau bercanggah dengan isi penghakiman bagi Perintah Semakan melalui Permohonan Semakan No.: 2303-H0105-003-0160 dan mempunyai kesalahan yang fatal.

3.4 Bahawa rayuan Responden tersebut adalah jelas tidak berperaturan dan sengaja membuang masa pihak-pihak terutamanya Mahkamah.

[4] Pada 13.3.2023, Pemohon melalui Peguam Syariannya telah memfailkan Permohonan Semakan di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan melalui Permohonan Semakan No.: 2303-H0105-003-0160 bagi menyemak keputusan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Seremban yang diputuskan pada 13.2.2023 dalam Kes Jenayah No.: 05009-114-0019-2020, hakim telah berpuas hati wujudnya kes terhadap Orang Kena Tuduh dan seterusnya diperintah untuk membela diri (selepas ini disebut sebagai “Kes Semakan Tersebut”).

[5] Pada 30.1.2024, YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang mengendalikan prosiding kes semakan tersebut telah membuat keputusan sebagaimana berikut:

(1) *Semakan Pemohon 1 dan Pemohon 2 diterima.*

(2) *Keputusan Hakim yang mengarahkan Pemohon 1 dan Pemohon 2 untuk membela diri diubah kepada kedua-dua Pemohon dilepas dan dibebaskan.*

(3) *Pemohon 1 dan Pemohon 2 dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan di bawah seksyen 61 (1) Enakmen Jenayah Syariah.*

[6] Responden yang tidak berpuas hati dengan Perintah Semakan tersebut seterusnya pada 31.1.2024 telah memfailkan Notis Rayuan ke Mahkamah ini. Pemohon kemudiannya telah memfailkan Permohonan Interlokutori Bantahan Awal ini untuk diputuskan oleh kami pada hari ini.

Diputuskan

[7] **SETELAH** kami membaca dan meneliti Notis Permohonan Bantahan Awal Pemohon, affidavit-afidavit serta hujah-hujah bertulis yang difailkan Pemohon dan Responden, **MAKA KAMI** sebulat suara memutuskan sebagaimana yang berikut:

1. Permohonan Bantahan Awal Pemohon **DITERIMA**.
2. Notis Rayuan Responden melalui Kes Rayuan No.: 2402-A0005-001-0004 bertarikh 31.1.2024 **DIBATALKAN**.

Senarai Rujukan

Undang-Undang

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Malaysia), s. 3.

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 (Malaysia), s. 61(1).

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Malaysia), s. 67(2).

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (Malaysia), ss. 157(2), 171(1), 171(2), 172(5)(b).

Isu-Isu yang Perlu Diputuskan

- [8] Dalam kami membuat pertimbangan untuk memutuskan isu-isu yang dibangkitkan dalam bantahan awal Pemohon, kami telah membuat penelitian terperinci kepada dokumen affidavit-afidavit dan hujah-hujah yang telah difailkan oleh pihak Pemohon dan Responden. Kami juga telah membuat penelitian terhadap kronologi pemfailan setiap kes yang berkaitan dengan permohonan bantahan awal ini dan kami berpendapat bahawa hanya wujud satu isu utama yang perlu kami putuskan iaitu:

Isu: Sama ada Notis Rayuan yang difailkan Responden teratur mengikut kehendak undang-undang atau sebaliknya.

Penghakiman Mahkamah Rayuan Syariah

- [9] Pemohon dalam Hujah Bertulisnya menyatakan bahawa pemfailan Notis Rayuan oleh pihak Responden adalah tidak teratur kerana gagal mematuhi kehendak peruntukan seksyen 171(1), (2) dan 157(2) ETJSNS 2003 serta seksyen 67(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.
- [10] Menurut Pemohon, memandangkan kes Pemohon bermula di Mahkamah Rendah Syariah, diikuti Permohonan Semakan ke Mahkamah Tinggi Syariah, maka untuk memulakan prosiding rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah, Responden dikehendaki terlebih dahulu untuk mendapatkan kebenaran daripada Mahkamah Rayuan Syariah. Kegagalan Responden untuk mendapat kebenaran merayu daripada Mahkamah Rayuan Syariah telah menyebabkan Notis Rayuan yang difailkan Responden menjadi tidak teratur.
- [11] Responden dalam menjawab isu yang dibangkitkan pihak Pemohon telah menyatakan dalam Hujah Bertulisnya bahawa seksyen 171(1) dan (5) yang dirujuk Pemohon adalah tidak terpakai dalam kes rayuan Responden. Menurut Responden, perkataan “*keputusan Mahkamah Rendah Syariah*” dalam seksyen 171(1) adalah merujuk kepada keputusan akhir sedangkan dalam kes ini belum wujud keputusan akhir yang diputuskan oleh Mahkamah Rendah Syariah, yang ada hanyalah arahan Mahkamah untuk pihak Pemohon membela diri dan masih banyak peringkat prosiding yang perlu dilalui oleh Pemohon dalam kes tersebut.

[12] Bagi menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Pemohon dan Responden di atas, kami telah membuat penelitian kepada peruntukan seksyen 171(1) ETJSNS 2003 yang dirujuk:

a. Rujukan kepada Mahkamah Rayuan Syariah atas rayuan daripada Mahkamah Rendah Syariah.

(1) *Apabila sesuatu rayuan daripada keputusan Mahkamah Rendah Syariah dalam sesuatu perkara jenayah telah ditentukan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh, atas permohonan mana-mana pihak, memberikan kebenaran bagi penentuan olehnya sendiri apa-apa persoalan undang-undang yang mempunyai kepentingan awam yang telah timbul semasa perjalanan rayuan itu dan yang penentuannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu.*

[13] Berdasarkan peruntukan seksyen ini, bagi kes yang bermula di Mahkamah Rendah Syariah dan dirayu ke Mahkamah Tinggi Syariah serta telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, bagi membolehkan keputusan rayuan tersebut dirayu semula ke Mahkamah Rayuan Syariah, maka suatu kebenaran untuk merayu perlu terlebih dahulu diperoleh di Mahkamah ini. Kebenaran ini diperlukan bagi membolehkan Mahkamah ini menentukan persoalan undang-undang berkepentingan awam yang timbul semasa perjalanan rayuan tersebut, yang turut diujahkan dalam Prosiding Rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah.

[14] Cuma dalam kes ini, prosiding yang berjalan pada peringkat Mahkamah Tinggi Syariah bukanlah Prosiding Rayuan sebaliknya adalah Prosiding Semakan. Jadi adakah ia turut terangkum dalam kehendak peruntukan seksyen 171 (1) di atas? Persoalan ini telah pun dijelaskan dalam peruntukan yang sama di bawah subseksyen 171 (5)(b) sebagaimana berikut:

b. (b) perjalanan mana-mana kuasa penyemakan oleh Mahkamah Tinggi Syariah di bawah Enakmen ini hendaklah disifatkan sebagai suatu rayuan daripada keputusan Mahkamah Rendah Syariah.

[15] Berdasarkan frasa “*hendaklah disifatkan sebagai suatu rayuan daripada keputusan Mahkamah Rendah Syariah*” tersebut jelas menunjukkan bahawa sesuatu rayuan terhadap keputusan semakan turut perlu mematuhi kehendak subseksyen 171(1) di atas dan atas maksud itu maka suatu kebenaran untuk memulakan suatu Prosiding Rayuan hendaklah terlebih dahulu diperolehi daripada Mahkamah Rayuan Syariah ini.

[16] Namun begitu, pihak Responden sebagaimana hujah bertulisnya yang kami perturunkan pada perenggan [10] di atas menghujahkan bahawa subseksyen 171(5)(b) ini tidak terpakai dalam kes ini atas alasan belum ada keputusan akhir yang diputuskan oleh Mahkamah Rendah Syariah. Persoalannya adakah hujahan Responden ini tepat?

[17] Subseksyen 171(1) menggunakan frasa “*keputusan Mahkamah Rendah Syariah*”, jadi apakah yang dimaksudkan dengan istilah “keputusan” dalam seksyen tersebut? Berkaitan perkara ini kami merujuk kepada tafsiran “keputusan” dalam seksyen 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

[18] Dalam Akta tersebut, “keputusan” ditafsirkan sebagaimana berikut:

- c. *Keputusan termasuklah penghakiman, hukuman atau perintah, tetapi tidak termasuk apa-apa ketetapan yang dibuat dalam perjalanan sesuatu perbicaraan atau pendengaran apa-apa kausa atau perkara yang tidak melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad.*

- [19] Oleh itu, dapat difahami di sini, bahawa suatu keputusan *prima facie* kes dan arahan untuk Tertuduh membela diri adalah terangkum dalam maksud keputusan sebagaimana tafsiran di atas kerana ia memutuskan secara muktamad bahawa pihak Pendakwa Syarie telah berjaya membuktikan kes *prima facie* dan keputusan tersebut mempunyai kesan hak yang nyata terhadap Tertuduh iaitu tidak lagi boleh dilepas tanpa dipanggil untuk membela diri. Walaupun kes tersebut belum selesai sepenuhnya, ia tetap dianggap “keputusan” kerana ia melibatkan hak untuk menentukan arah perbicaraan yang seterusnya.
- [20] Melalui tafsiran ini, jelas menunjukkan bahawa pemahaman Responden terhadap maksud “keputusan” dalam frasa “*keputusan Mahkamah Rendah Syariah*” tersebut adalah tersasar daripada maksud sebenar. Sehubungan itu, keputusan YA Hakim Mahkamah Rendah Syariah yang memanggil Pemohon untuk membela diri adalah terjumlah kepada suatu perintah yang terangkum dalam kehendak seksyen 171(2) ETJSNS 2003. Oleh itu, suatu kebenaran merayu adalah diperlukan oleh pihak Responden bagi memulakan prosiding rayuan di Mahkamah ini.
- [21] Kegagalan Responden memperolehi kebenaran tersebut adalah merupakan suatu kekhilafan yang fatal yang menyebabkan Notis Rayuan yang difailkan Perayu adalah terbatal. Namun begitu, Responden masih mempunyai ruang dan peluang untuk memfailkan semula Notis Rayuan tersebut dengan syarat suatu kebenaran untuk melakukan perkara tersebut diperolehi daripada Mahkamah ini. Memandangkan tempoh “satu bulan” untuk Permohonan Kebenaran Merayu difailkan sebagaimana dinyatakan di bawah subseksyen 171(2) telah pun luput, maka suatu kebenaran pelanjutan tempoh masa tersebut juga perlu diperolehi oleh Responden sekiranya berhasrat untuk meneruskan rayuan ini.
- [22] Kami dengan hormatnya menarik perhatian Pemohon dan Responden berkenaan peruntukan subseksyen 171(1) ETJSNS 2003 ini. Seksyen ini berperanan sebagai pintu pertama yang membuat tapisan awal agar hanya kes-kes yang mempunyai isu persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul semasa perjalanan rayuan itu dan isu tersebut turut disentuh semasa Prosiding Rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah sahaja boleh dirayu sehingga ke Mahkamah Rayuan Syariah. Dengan lain perkataan, bukan semua kes Mahkamah Rendah Syariah yang telah dirayu atau disemak ke Mahkamah Tinggi Syariah boleh dirayu sekali lagi ke Mahkamah Rayuan Syariah melainkan sekiranya dapat dibuktikan wujudnya isu undang-undang berkepentingan awam dan isu tersebut telah turut disentuh semasa Prosiding Rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah.
- [23] Berkaitan isu kecacatan Afidavit yang dibangkitkan oleh pihak Pemohon dan Responden, kami tidak berhasrat untuk mengulas dan memutuskan isu tersebut memandangkan ia dibangkitkan bukan melalui saluran yang tepat. Sewajarnya isu yang berkaitan prosedur sebegitu dibangkitkan melalui suatu prosiding bantahan awal bagi memberi peluang kepada Mahkamah ini meneliti dengan lebih terperinci serta membuat keputusan terhadap isu tersebut terlebih dahulu dan bukannya disatukan dan diujahkan bersekali dalam kes induk.

Kesimpulan

[24] Undang-undang prosedur berperanan menyusun dan mengatur setiap proses yang wujud dalam sesuatu tindakan perundangan. Ia berfungsi untuk melicinkan pentadbiran keadilan, melindungi hak pihak-pihak serta mengelakkan penyalahgunaan proses Mahkamah. Dalam konteks rayuan, adakalanya suatu kebenaran diperlukan terlebih dahulu untuk memulakan sesuatu tindakan, terutamanya terhadap keputusan rayuan atau semakan yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah berhubung kes Mahkamah Rendah Syariah. Ini kerana Mahkamah Rayuan ini merupakan Mahkamah penentu terhadap isu-isu undang-undang yang penting. Kebenaran merayu tersebut berfungsi sebagai suatu tapisan agar hanya persoalan undang-undang yang mempunyai kepentingan signifikan sahaja dibawa ke peringkat Mahkamah ini. Semua pihak hendaklah mematuhi kehendak prosedur ini kerana prosedur merupakan sebahagian daripada pelaksanaan keadilan.

Keputusan

[25] **SETELAH** kami membaca dan meneliti Notis Permohonan Bantahan Awal Pemohon, afidavit-afidavit serta hujah-hujah bertulis yang difailkan Pemohon dan Responden, **MAKA KAMI** sebulat suara memutuskan sebagaimana yang berikut:

1. Permohonan Bantahan Awal Pemohon **DITERIMA**.
2. Notis Rayuan Responden melalui Kes Rayuan No.: 2402-A0005-001-0004 bertarikh 31.1.2024 **DIBATALKAN**.

Hakim

Alasan Penghakiman ini telah disediakan oleh **YAA Dato' Haji Hussin bin Harun** (Pengerusi), **YA Dato' Hj. Mohd Shukor bin Sabudin** (Panel), **YA Dato' Hj. Mohamad Shakir bin Abdul Hamid** (Panel), Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan.

Tarikh Keputusan

30 Jun 2025 / 4 Muharram 1447H.

Peguam Syarie

Perayu-perayu tidak diwakili oleh mana-mana Peguam Syarie.